

# Keterbatasan Bahasa Inggeris

Oleh ZULKIFLI SALLER



**Dalam keluaran Disember 2011, Dewan Bahasa muncul dengan "Nasib Bahasa Inggeris di Bumi Sendiri," memperkatakan kira-kira 16.8 peratus murid sekolah rendah di Britain bertutur dalam bahasa lain di rumah pada tahun 2010/2011 berbanding dengan 16 peratus pada tahun sebelumnya.**

Beberapa abad lalu, usaha tentera Islam untuk mara ke Eropah yang dilancarkan oleh Ottoman terkandas di pintu kota Vienna. Namun begitu, kegagalan ketenteraan ini ditebus kemudiannya melalui demografi, iaitu melalui penghijrahan dan kelahiran hingga menyebabkan orang Islam menjadi minoriti terbesar di benua Eropah.

Di kebanyakan negara, faktor demografi turut memberikan sumbangan kepada perkembangan dan penyebaran bahasa kaum imigran, termasuk di negara berbahasa Inggeris, seperti Britain dan Amerika Syarikat. Hal seperti ini sepatutnya hanya berlaku dalam kalangan generasi pertama; tetapi sebaliknya, berlaku juga dalam kalangan generasi yang lahir dan membesar di negara berkenaan.

Jelas bahawa kecintaan mereka terhadap bahasa leluhur mereka nampaknya tidak luntur.

Dalam keluaran Disember 2011, *Dewan Bahasa* muncul dengan "Nasib Bahasa Inggeris di Bumi Sendiri," memperkatakan kira-kira 16.8 peratus murid sekolah rendah di Britain bertutur dalam bahasa lain di rumah pada tahun 2010/2011 berbanding dengan 16 peratus pada tahun sebelumnya. Bilangan tersebut meningkat hampir satu perempat dalam masa hanya empat tahun.

Dari segi jumlah, kira-kira 957 500 orang kanak-kanak yang berumur antara lima hingga 16 tahun bertutur dalam bahasa lain di sekolah rendah, menerfah dan sekolah khas, berbanding dengan 905 600 orang pada tahun 2009/2010. Bilangan lebih tinggi di beberapa tempat di London, dengan hampir 78 peratus

murid sekolah rendah bertutur dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Tower Hamlet, London timur, berbanding dengan 74 peratus di Newham dan 71 peratus di Westminster. Kadarnya mencecah kira-kira separuh di Slough, Luton dan Leicester, dan sekurang-kurangnya empat dalam 10 di Birmingham dan Blackburn.

Makalah itu merujuk akhbar *The Telegraph*, "English as a Second Language for Almost 900 000 Pupils," yang memetik angka daripada Jabatan Kanak-kanak, Sekolah dan Keluarga yang menunjukkan hampir 15.2 peratus kanak-kanak di sekolah rendah Inggeris, atau 500 000 orang bertutur dalam bahasa lain di rumah pada tahun 2009 jika dibandingkan dengan 14.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Sebanyak 11.1 peratus murid, atau 364 280 orang bertutur dalam bahasa Inggeris di sekolah menengah sebagai bahasa kedua berbanding dengan 10.6 peratus pada tahun 2008. Angka berkenaan menunjukkan jumlah berbeza secara signifikan di seluruh England. Dalam 14 buah majlis tempatan, murid sekolah rendah bertutur dalam

## **Dalam bukunya, *Who Are We?: The Challenges to America's National Identity*, Samuel Huntington melahirkan kebimbangannya terhadap hakisan jati diri nasional Amerika Syarikat, antaranya cabaran terhadap bahasa Inggeris.**

bahasa lain dalam kalangan majoriti, kebanyakannya di London. Mereka juga terdiri daripada lebih satu pertiga murid sekolah rendah di 31 buah Pihak Berkuasa Tempatan, termasuk Blackburn dengan Darwen, Leicester, Birmingham, Luton, dan Bradford. London merupakan tumpuan terbesar murid yang bertutur dalam bahasa lain.

Kira-kira 77 peratus murid di Tower Hamlets, yang mempunyai banyak penduduk Bangladesh, tidak bertutur dalam bahasa Inggeris di rumah; dengan kata lain, hanya 23 peratus murid bertutur dalam bahasa itu sebagai bahasa pertama. Kadar ini ialah 73.2 peratus di Newham dan 69.5 peratus di Westminster. Kerajaan memaklumkan bahawa jumlah wang yang dibelanjakan terhadap murid yang lemah bahasa Inggeris meningkat kepada 206 juta paun pada tahun 2010.

Politik bahasa menumpukan kaum imigran di Amerika Syarikat. Pada tahun 1983, kumpulan antidwibahasa membentuk bahasa Inggeris Amerika Syarikat, yang menggesa rakyat Amerika, meskipun wujud kepelbagaian budaya, berkongsi bahasa sebagai sifat murni sivik.

Pada tahun 1986, pungutan suara bahasa Inggeris rasmi

diluluskan di California, dan pada 1988, 13 buah negeri menggubal undang-undang mengisytiharkan bahasa Inggeris merupakan bahasa rasmi negeri berkenaan. Kebanjiran imigran Asia dan Hispanic pada tahun 1980-an mendorong banyak pihak berkuasa tempatan di California agar menerima pakai ordinar yang mensyaratkan agar papan tanda kedai mempunyai sekurang-kurangnya bahasa Inggeris di bahagian dalam kedai bagi tujuan keselamatan awam.

Dalam bukunya, *Who Are We?: The Challenges to America's National Identity*, Samuel Huntington melahirkan kebimbangannya terhadap hakisan jati diri nasional Amerika Syarikat, antaranya cabaran terhadap bahasa Inggeris. Pada tahun 1988, Huntington membangkitkan kempen bahasa Inggeris diisytiharkan bahasa rasmi Florida, tetapi gabenor Republikan, Bob Martinez mengisytiharkan penentangannya.

Kata Martinez, "Kita jangan memilih agama untuk rakyat Amerika. Kita jangan memilih ras untuk rakyat Amerika. Dan, kita jangan memilih bahasa untuk rakyat Amerika." Bagi Huntington, kenyataan Martinez itu satu

kesilapan. 300 tahun sejarah memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa untuk rakyat Amerika, dan pada hari pengundian, 83.9 peratus pengundi Florida merestui pilihan itu.

Huntington menjelaskan, kehadiran cadangan bahasa Inggeris pada kertas undi Florida (sebagaimana di dua buah negeri lain pada tahun itu) merupakan isu pada tahun 1980-an dan 1990-an, iaitu bahasa menjadi isu utama jati diri rakyat Amerika. Kontroversi timbul berkaitan beberapa isu utama, antaranya termasuklah pendidikan dwibahasa, sektor perniagaan yang menuntut pekerja mereka bertutur dalam bahasa Inggeris, penggunaan bahasa lain selain bahasa Inggeris dalam dokumen kerajaan, kertas undi dan bahan pilihan raya di daerah yang kaum minoriti bukan penutur bahasa Inggeris, dan penentuan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi negara dan kerajaan negeri.

Huntington memetik kata-kata seorang sarjana, "Amerika Syarikat sepatutnya mencerminkan fahaman majoriti pertuturan dalam bahasa Inggeris ataupun menggalakkan budaya berbilang bahasa." Walau bagaimanapun, isu sebenar bukannya pelbagai bahasa, tetapi kedwibahasaan.

Meskipun wujud usaha terancang untuk mendaftarkan bahasa Inggeris di beberapa buah negeri, bahasa lain, terutamanya bahasa Sepanyol berjaya menembusi dan bertapak di negara itu. Maka, timbullah isu berkaitan dengan bahasa Sepanyol, iaitu patutkah kerajaan Amerika Syarikat menggalakkan ilmu dan penggunaan bahasa lain selain bahasa Inggeris dan menghadkan keupayaan kerajaan, perniagaan swasta, dan institusi lain yang memerlukan

penggunaan bahasa Inggeris? Patutkah Amerika Syarikat menjadi masyarakat dwibahasa, dengan bahasa Sepanyol diberikan taraf yang sama seperti bahasa Inggeris?

Migration Policy Institute dalam laporannya yang dikeluarkan pada bulan Julai 2018, mendapati bahawa 22 peratus warganegara Amerika Syarikat, tidak bertutur dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama mereka ketika di rumah pada tahun 2016.

Peraturan itu menunjukkan bahawa kira-kira 65.5 juta orang penduduk yang berusia lima tahun dan yang tua di negara itu mengutamakan bahasa lain ketika bertutur di rumah, dengan peratusan tertinggi di Nevada dan Florida, iaitu 31 dan 29 peratus.

Kajian institusi kumpulan pemikir yang beribu pejabat di Washington itu menunjukkan bahawa secara keseluruhan bahasa Sepanyol ialah bahasa bukan bahasa Inggeris yang tertinggi dituturkan di rumah dan berkembang pesat di 15 buah negeri dengan satu negeri pengecualian, iaitu Alaska. Bahasa Eskimo-Aleut dan bahasa peribumi Amerika lebih ketara di Alaska. Selepas bahasa Sepanyol, bahasa lain selain bahasa Inggeris yang berada di kedudukan tertinggi ialah bahasa Cina, Tagalog, Vietnam, dan Arab

Kajian juga menunjukkan bahawa meskipun bilangan imigran dari tahun 2010 hingga tahun 2016 meningkat sebanyak sembilan peratus, penduduk kelahiran asing meningkat sebanyak 15 peratus atau lebih di 15 buah negeri, iaitu North Dakota, West Virginia, South Dakota, Delaware, Nebraska, Minnesota, Wyoming, Pennsylvania, Alaska,

Indiana, Florida, Nevada, Washington, Iowa, dan Maryland.

Kira-kira sembilan juta imigran, atau seorang dalam setiap lima orang, tinggal di negeri berkenaan, dengan orang Mexico dan Cuba, diikuti oleh imigran dari India dan China.

Dapatan kajian Migration Policy Institute, secara tidak langsung, "menggugat" kedudukan bahasa Inggeris yang sepanjang sejarah Amerika menjadi teras jati diri nasional Amerika. Meskipun kumpulan imigran cuba mengekalkan penggunaan bahasa yang berbeza, kecuali beberapa minoriti kecil, terasing, dan di luar bandar, bahasa Inggeris mencapai kemenangan dalam kalangan generasi kedua dan ketiga.

Dapatan itu juga memperkukuh tanggapan yang wujud sebelum ini, iaitu mengajarkan bahasa Inggeris terhadap imigran baharu merupakan keprihatinan utama kerajaan Amerika, perbadanan, gereja, dan organisasi kebajikan sosial.

Pada 17 Ogos 2018, *USA Today* melaporkan polis Georgia mempertahankan keputusan pegawai yang menggunakan pistol Taser (pistol renjatan elektrik) terhadap wanita berusia 87 tahun yang menggunakan pisau untuk memotong tumbuhan kecil dan liar.

Pegawai penguatkuasaan undang-undang mengatakan bahawa Martha Al-Bishara sepatutnya mematuhi arahan. Namun begitu, menurut keluarga Al-Bishara, dia tidak bertutur dalam bahasa Inggeris dan tidak memahami permintaan pegawai berkenaan. Al-Bashira merupakan seorang daripada puluhan juta rakyat Amerika yang tidak bertutur dalam bahasa Inggeris.

Samuel Huntington yang berasa kurang selesa dengan cabaran terutamanya bahasa Sepanyol terhadap bahasa Inggeris di Amerika Syarikat, memetik Miguel de Unamuno yang berkata, "Bahasa ialah darah semangat" atau dalam ungkapan bahasa Melayu, "Bahasa Jiwa Bangsa."

Beliau juga memetik buku Karl Deutsch, *Nationalism and Social Communication* yang menegaskan bahawa "Bangsa ialah kumpulan orang yang berkomunikasi secara meluas dan mendalam antara satu sama lain berbanding dengan yang dilakukan oleh mereka dengan orang lain."

Tanpa bahasa bersama, komunikasi menjadi sukar walaupun bukan mustahil. Beliau menjelaskan, negara yang setiap orang bercakap dalam bahasa yang sama, seperti Perancis, Jerman, dan Jepun, berbeza secara signifikan daripada negara yang mempunyai dua atau lebih komuniti linguistik, misalnya Switzerland, Belgium, dan Kanada.

Pada tahun 1990-an, apabila penggunaan internet semakin meluas pada peringkat global, wujud kekhawatiran bahawa "dewa baharu" ini akan memperkukuh hegemoni bahasa Inggeris sambil melemahkan bahasa lain, terutamanya bahasa kaum minoriti. Walau bagaimanapun, kekhawatiran ini tidak menjadi kenyataan, sebaliknya internet turut membantu mengembangkan pelbagai bahasa.

Sebenarnya, faktor demografilah yang menggugat penggunaan bahasa asal atau bahasa ibunda sesebuah negara, dan negara berbahasa Inggeris nampaknya tidak terkecuali. **DB**